

Ceramah 'paksa rela' jauhi dadah

Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor
Disember 1, 2022 @ 12:00pm

Kajang: Tepat jam 2 petang. Gerombolan 'geng' lelaki kurus dilihat muncul satu persatu di pintu Pejabat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Hulu Langat, Jalan Reko di sini.

Mereka lantas mendaftar kehadiran pada kad '555' sebelum melangkah masuk bilik mesyuarat yang hanya mampu memuatkan maksimum 40 individu.

Mata mereka liar menjeling satu sama lain. Ada yang bermuka cengkung dan ada juga yang kusut bagaikan tidak mandi tiga hari.

Semua mereka ini adalah 'klien' atau golongan penagih dadah yang pernah dihadapkan ke mahkamah dan diwajibkan menyertai program bulanan anjuran Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) oleh majistret.

Sudi atau tidak, mereka wajib hadir mengikut program pada hari ditetapkan setiap bulan atau berdepan hukuman lebih berat iaitu penjara tidak melebihi tiga tahun atau sebatan tidak melebihi tiga kali atau kedua-duanya sekali.

Semua mereka sebelum ini pernah ditahan mengikut Seksyen 3 (1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998) kerana menagih dadah.

Matlamat AADK pada program itu jelas, bagi memastikan golongan 'klien' terbabit sentiasa dipantau dan diberikan nasihat berterusan supaya menjauhi najis dadah.

Peserta yang hadir membabitkan pelbagai latar belakang. Ada yang berusia semuda awal 20-an dan ada yang layak dipanggil datuk. Semua mereka antara ribuan penagih dadah seluruh Malaysia yang ditahan polis atau AADK menerusi operasi benteras aktiviti dadah sebelum ini.

Bilik mesyuarat AADK itu hiruk pikuk seketika dengan gelak ketawa dan lawak yang ada kalanya sukar difahami.

Namun suasana senyap mendadak apabila kaunselor AADK, Ahmad Syariffuddin Sarmin muncul sebelum mengumumkan 'kelas' bermula.

Setiap peserta diminta memperkenalkan diri masing-masing dengan menyebut nama, asal tempat tinggal serta jenis dadah diambil sebelum ini,

Agak mengejutkan apabila hampir semua jenis dadah yang wujud di pasaran diambil kumpulan penagih terbabit. Tidak hanya berkisar dadah tradisional seperti ganja dan heroin malah majoritinya terjebak dengan syabu, ketamin dan kokain.

Syariffuddin kemudian memulakan pengajaran membabitkan pengisian pelbagai topik antaranya tindak balas kimia di dalam badan, cabaran untuk pulih ketagihan selain isu membabitkan kawalan emosi serta tingkah laku.

Di satu sudut, Anis, 25, dan Fatin, 22, (bukan nama sebenar) tekun mendengar butir fakta disampaikan walaupun ada kalanya terganggu dengan gelak ketawa oleh segelintir 'bekas' penagih nakal.

Di wajah mereka tampak kesungguhan untuk berubah menjadi lebih baik. Ada iltizam untuk meninggalkan najis dadah yang mula diambil seawal usia belasan tahun lalu.

"Saya mahu taubat! Saya tak mahu lagi menjadi 'mayat hidup'. Saya sayangkan suami dan anak-anak," ujar Anis yang terjebak dadah syabu atas pujuk rayu rakan sebaya sekitar tahun 2019 sebelum ditahan polis.

Begitu juga dengan Fatin yang mula ketagih dadah ganja selepas dipengaruhi oleh teman lelakinya sebaik tamat alam persekolahan pada 2018.

"Hidup saya jadi tunggang-langgang. Daya ingatan saya merosot teruk akibat kesan ketagihan ganja. Saya hilang tumpuan dan hilang motivasi untuk menyambung pelajaran di kolej swasta," katanya yang ditahan dalam operasi dilakukan polis di sebuah pusat hiburan di ibu kota.

Mereka mengakui pendekatan dan rawatan pemulihan dadah menggunakan Model i-Pulih AADK diikuti kini sesuai dan selari dengan perkembangan dadah semasa serta isu dihadapi penagih alaf baru.

Mereka yang sudah mengikuti program itu sejak awal tahun ini memberitahu pelaksanaan Model i-Pulih AADK bersifat komprehensif dan holistik meliputi keseluruhan perkara termasuk membantu dan menyokong penagih dari segi mental, fizikal, rohani serta intelektual.

Anis menambah, usaha AADK itu perlu diberi fokus utama berikutan penagihan dadah adalah sejenis penyakit kronik dan berulang-ulang membabitkan struktur otak dan menyebabkan perubahan pada sistem kognitif, psikologi dan tingkah laku.

"Bukan mudah untuk membina semula daya tahan seseorang bekas penagih namun ada yang mahu bangkit dan kembali kepada kehidupan normal.

"Terima kasih kepada pihak AADK yang tidak henti memberikan sokongan dan motivasi walaupun sedar ia bukan tugas mudah," katanya.

Sementara itu pihak AADK berkata, melalui Model i-Pulih, individu yang mengalami masalah penagihan dadah boleh dirawat pulih melalui Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Komuniti di 109 fasiliti AADK atau melalui Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi di 30 Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (Puspen) di seluruh negara.

Model i-Pulih menyediakan program rawatan dan pemulihan merangkumi aspek biologi, psikologi, spiritual dan sosial yang sesuai dengan keperluan pemulihan seseorang itu.

Penekanan diberikan untuk membimbing individu tersebut untuk keluar daripada masalah ketagihan serta menjadi insan yang berfungsi, produktif kepada keluarga, masyarakat dan negara.

AADK juga memantau individu yang sudah tamat menjalani program rawatan dan pemulihan melalui program perkhidmatan selepas penjagaan bagi memastikan mereka terus mendapat bimbingan dan panduan dengan menyediakan latihan kemahiran dan vokasional, prapenempatan pekerjaan, jagaan lanjutan, program hijrah dan juga pembabitan pihak lain serta masyarakat setempat bagi menyokong dan membantu proses pemulihan sepanjang hayat individu ini.

Penagih wanita paling ramai di Johor

Kuala Lumpur: Angka menakutkan dinilai dari segi purata apabila 'lahir' sekitar 51 penagih wanita baharu di negara ini setiap hari.

Statistik itu berdasarkan bilangan 4,608 penagih perempuan direkodkan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Walaupun jumlah itu menurun berbanding 5,317 penagih wanita direkodkan dalam tempoh sama tahun lalu namun bilangannya masih di tahap amat membimbangkan.

Berdasarkan pecahan diperolehi negeri Johor merekodkan jumlah penagih wanita paling ramai iaitu 676 individu diikuti Selangor (597 penagih), Wilayah Persekutuan (406 penagih), Pulau Pinang (373 penagih) dan Pulau Pinang (345 penagih) sejak Januari hingga Mac lalu.

Manakala Perlis merekodkan jumlah penagih wanita paling sedikit iaitu 48 individu diikuti Melaka seramai 180 individu.

Untuk rekod, bilangan penagih lelaki yang ditahan dalam tempoh sama tahun ini adalah seramai 103,173 individu iaitu menurun berbanding 117,822 penagih sepanjang tiga bulan pertama tahun lalu.

Mengikut pecahan kategori dadah diambil penagih lelaki dan wanita, AADK mendapati 101,787 penagih yang diberkas menagih hanya satu jenis dadah (nonpolydrug) manakala 5,994 penagih pula mengambil dua atau lebih ubat psikoaktif dalam kombinasi untuk mencapai kesan ketagih (polydrugs).

Jurucakap AADK berkata, berdasarkan kategori dadah diambil, 67,621 penagih dadah ditahan menagih dadah sintetik amphetamine type stimulant (ATS) antaranya dadah amphetamine, methamphetamine, 3,4-methylenedioxymethamphetamine (MDA) dan 3,4-Methylenedioxymethamphetamine (MDMA).

"Seramai 36,498 penagih dadah lagi dikesan mengambil kumpulan dadah opiat seperti morfin, heroin, oxycodone, hydrocodone, opiat sintetik, methadone, buprenorphine dan loperamide.

"Seramai 2,788 penagih pula dikesan menagih dadah ganja, 317 penagih mengambil pil psikotropik dan 557 lagi mengambil pelbagai dadah lain," katanya.

Walaupun mengikut statistik wanita adalah minoriti dalam kalangan penagih dadah negara namun banyak kajian membuktikan wanita mempunyai risiko lebih tinggi berbanding lelaki dalam mendapat kesan buruk dan komplikasi akibat penagihan.

Wanita sebagai bekas penagih juga berdepan dengan konflik dan stigma masyarakat yang lebih kuat berbanding lelaki.

Bagai 'mayat hidup' ketagih syabu

Kajang: "Mereka (rakan-rakan) lebih hina dari 'anjing' kerana sentiasa memujuk saya mengambil benda terlarang (dadah)," ujar wanita mahu dikenali sebagai Ika, 28.

Dia yang terjebak dengan penagihan syabu sejak empat tahun lalu mendedahkan faktor pengaruh rakan antara punca utama dia menjadi 'mayat hidup'.

"Saya dilahirkan dalam keluarga kucar-kacir. Malah ketika berusia 16 tahun, saya pernah dirogol bapa saudara.

"Kurangnya pendidikan dankekangan kewangan menyebabkan saya terpaksa bekerja pada usia muda. Ketika itulah saya dipujuk rakan-rakan untuk mencuba dadah syabu yang kononnya boleh menghilangkan stress (tekanan)," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) daerah Hulu Langat di sini, semalam.

Dia adalah antara puluhan bekas penagih yang ditemui selepas menyertai program bulanan i-Pulih anjuran AADK Hulu Langat.

Menurutnya, dia menyembunyikan kegiatan penagihan dari pengetahuan suami sebelum ditahan polis awal tahun lalu.

"Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman supaya saya menyertai program kaunseling wajib anjuran Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Katanya, sejak menyertai program AADK berkenaan, dia mulai insaf dan mahu berubah ke arah lebih baik demi masa depan keluarga.

"Sekarang saya sudah 'clean' dan meninggalkan dadah. Saya 'taubat' tak sentuh lagi benda haram itu. Nasihat saya, berhati-hatilah memilih kawan," katanya.

Sementara itu seorang lagi gadis mahu dikenali sebagai Mastura, 26, berkata, dia tidak pernah mengambil sebarang jenis dadah sebelum ini.

"Namun saya terjebak selepas mengikuti acara parti liar di ibu kota. Saya dihidangkan minuman dicampurkan serbuk atau cecair dadah.

"Saya sendiri tidak tahu air itu mengandungi dadah. Parti yang kami sertai itu kemudian diserbu pihak polis. Saya kemudian ditahan selepas ujian air kencing mendapati saya positif mengambil dadah," katanya.

Menurutnya, dia diarah menjalani sesi kaunseling setiap bulan.

"Saya menasihati semua wanita di luar sana supaya lebih berhati-hati dalam memilih rakan," katanya ketika ditemui.

Menurutnya, terdapat pelbagai cara untuk menghiburkan diri dari tekanan hidup yang dialami.

"Dadah bukan cara untuk membebaskan diri dari masalah, jadi untuk belia diluar sana perlu sentiasa berhati-hati," katanya.